

**Jelebu:** Tanggapan 'kerjaya' nelayan hanya wujud di laut jelas meleset apabila terdapat beratus nelayan darat didaftarkan di bawah Jabatan Perikanan Malaysia di seluruh negara.

Kewujudan nelayan darat yang memfokuskan kawasan sungai, tasik dan lombong ini sedikit sebanyak membantu membekalkan sumber ikan kepada sektor perikanan.

Salah seorang nelayan darat di Kampung Juntai di sini, Razali Sani, 69, dari Kampung Juntai di sini, memberitahu dia terbabit secara serius menangkap ikan di sungai sebelum dijual bagi menyara keluarga sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, dia gemar berkongsi hasil tangkapan di laman sosial Facebook.

"Namun saya tidak menyangka dihubungi pegawai

Jabatan Perikanan yang mahu mendaftarkan saya sebagai nelayan darat dua tahun lalu.

"Melalui keprihatinan Jabatan Perikanan saya turut menerima bantuan elaun sara hidup sebanyak RM250 sebulan," katanya.

Razali berkata, menangkap ikan adalah sumber pendapatan utama apabila mampu meraih pendapatan sehingga RM1,200 setiap bulan.

"Namun ia turut bergantung kepada faktor cuaca. Saya menggunakan kaedah tajur dan menjaring bagi menangkap ikan di Sungai Triang di sini.

Katanya, setiap hari dia

# Rezeki nelayan darat berdaftar

HM 3/12/2022 MS: 16



**"Pelbagai ikan diperoleh hasil menajur, ia dijual kepada penduduk tempatan Razali Sani"**

RAZALI memeriksa tajur yang dipasang sekitar Sungai Triang di Kampung Juntai, Jelebu. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

memasang hampir 100 tajur di sepanjang tebing sungai menggunakan bot dan ia di-

lakukan dengan kudratnya sendiri.

"Pelbagai jenis ikan diper-

oleh hasil menajur dan ia dijual kepada penduduk tempatan. Namun, ikan

baung mendapat permintaan yang tinggi sehingga ada penduduk menempah lebih awal," katanya.

Sementara itu, Ketua Daerah Perikanan Jelebu, Mohd Azhar Jusoh berkata, terdapat sembilan nelayan darat berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan iaitu tujuh di Tampin dan dua di Jelebu.

Katanya, antara fungsi nelayan darat adalah membantu jabatan perikanan dalam mendapatkan data pendaratan ikan serta mengetahui spesies ikan tempatan atau asing ditangkap.

"Mereka juga menjadi mata dan telinga jabatan perikanan malah membantu jabatan dalam aktiviti yang membabitkan komuniti setempat," katanya.